



Adakah Keluarga Saya Mewarisi Barah?

Mengetahui bahawa keluarga saya tidak mewaris barah payudara adalah suatu kelegaan. Sebelum ini, saya begitu bimbang hingga saya tidak menjalani penyaringan.

Apa itu barah?

Barah disebabkan perubahan (dipanggil mutasi) dalam gen kita. Gen mengawal bagaimana sel-sel dalam badan kita membahagi dan bertumbuh. Apabila satu mutasi gen berlaku, kawalan tersebut tidak lagi berfungsi dengan betul. Akibatnya, sel-sel membahagi dan bertumbuh secara tidak normal, dan mungkin menjadi barah. Beberapa mutasi gen yang berlaku dari masa ke masa boleh mengakibatkan barah. Disebabkan itu kebanyakan barah berkembang dalam kalangan orang yang lebih tua.

**Lebih kurang 7 dalam 10 orang
yang menghidap barah
berumur 60 tahun ke atas**

**1 dalam 10 jenis barah telah
dikenal pasti**

Keluarga saya adalah penting. Saya ingin melakukan apa yang terbaik untuk mereka. Mendapatkan maklumat merupakan sesuatu yang saya boleh lakukan.

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat?

Kaji semula sejarah barah keluarga anda dengan doktor anda.

Perkhidmatan Genetik Barah Pusat Barah

Nasional Singapura

Tingkat B2, 11 Hospital Drive Singapura 169610

Hubungi **6436 8088** untuk satu rujukan atau temuanji.

Isnin – Jumaat: 8.30 pagi hingga 5.30 petang
Tutup pada Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Awam

Untuk maklumat am mengenai barah:


Hubungi Cancer Helpline di **6225 5655**

atau emel kepada cancerhelpline@nccs.com.sg

Lungsuri lelaman web Perkhidmatan Barah Genetik di
<http://www.nccs.com.sg/PatientCare/>
CancerGenetics Service

Ini adalah satu inisiatif pendidikan awam oleh:

Pendidikan Barah & Perkhidmatan Maklumat



Barah adalah lazim. Namun barah keturunan tidak.

Apakah itu barah keturunan?

Barah keturunan adalah barah yang diwarisi dalam keluarga. Ia berlaku apabila perubahan (mutasi) dalam gen yang diturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Sesetengah mutasi gen akan meningkatkan risiko barah. Disebabkan itu barah keturunan dilihat pada umur yang lebih muda dan lebih kerap dalam sesetengah keluarga.

Dalam barah keturunan, mutasi gen kadang-kala diturunkan daripada bapa atau ibu. Individu-individu yang dilahirkan dengan mutasi gen mungkin atau tidak mungkin menghidap barah, tetapi risiko mereka menghidap barah mungkin lebih tinggi.

Kebanyakan keluarga tidak mempunyai barah keturunan.

Adakah keluarga saya berisiko menghidap barah keturunan?

Hampir setiap orang mempunyai seorang saudara yang menghidap barah. Dalam keluarga besar, beberapa saudara mungkin menghidap barah. Umur adalah faktor risiko terbesar bagi barah. Faktor-faktor risiko lazim yang lain termasuk merokok dan diet. Sesetengah keluarga seolah-olah mempunyai lebih ramai orang yang menghidap barah daripada keluarga yang lain.

Faktor risiko barah yang terpenting adalah umur



Merasa bimbang tidak membantu. *Saya periksa sejarah keluarga saya dengan doktor saya. Sekarang kami boleh melakukan sesuatu mengenainya.*

Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya fikir ada barah keturunan dalam keluarga saya?

Inatlah bahawa barah keturunan adalah luar biasa. Jika anda bimbang, berbicaralah dengan saudara-mara anda untuk mengetahui jika ada di antara mereka yang sudah memantau perkara tersebut. Kumpulkan sejarah barah keluarga anda dan bawanya ke doktor anda. Bersama-sama, anda akan membincangkan peluang barah keturunan dalam keluarga anda. Tanya doktor anda jika anda memerlukan rujukan ke Perkhidmatan Genetik Barah.

Apakah itu Perkhidmatan Genetik Barah?

Perkhidmatan Barah Genetik adalah sebahagian Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS). Kami menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan untuk keluarga dan individu di Singapura. Perkhidmatan-perkhidmatan termasuk kaunseling genetik dan maklumat mengenai penyaringan barah. Orang yang menghadapi risiko barah keturunan mungkin juga ditawarkan ujian genetik kerana ia boleh menjelaskan pengurusan mereka.

Perkhidmatan Genetik Barah berfungsi untuk mendidik orang awam dan penyedia penjagaan kesihatan tentang barah keturunan. Program ini juga menyokong kajian di dalam semua aspek barah keturunan.

Apakah tanda-tanda barah keturunan?

Anda mungkin mula berfikir tentang barah keturunan jika lebih daripada 2 saudara terdekat anda menghidap barah. Tanda-tanda lain termasuk saudara-mara yang dikenal pasti menghidap jenis barah yang sama pada usia muda. Kadang-kala gabungan barah yang berbeza dalam sebuah keluarga mungkin juga merupakan satu tanda barah keturunan. Semakin dekat saudara-mara yang menghidap barah yang anda miliki, semakin tinggi risiko anda menghidap barah keturunan.

Saudara terdekat termasuk: anak-anak, adik-beradik, ibu bapa, ibu saudara, bapa saudara dan datuk nenek dari sebelah pihak keluarga yang sama.

✓	✗
Barah Keturunan Bapa anda menghidap barah kolon di usia 49 tahun dan Adik perempuan bapa anda menghidap barah kolon di usia 47 tahun dan Adik perempuan anda menghidap barah rahim di usia 45 tahun	AGAK MUSTAHIL Barah Keturunan Bapa anda menghidap barah hati pada usia 72 tahun dan Adik lelaki ibu anda menghidap barah kolon pada usia 65 tahun dan Adik perempuan anda menghidap barah serviks pada usia 55 tahun
Anda mungkin juga berfikir tentang barah keturunan jika: <ul style="list-style-type: none">• Beberapa saudara terdekat anda menghidap barah yang ganjil. Contohnya, barah sarcoma, adrenal atau medullary thyroid.	<ul style="list-style-type: none">• Salah seorang dari saudara terdekat anda menghidap barah pada usia muda yang luar biasa. Contohnya, seorang abang menghidapi barah kolon di usia 30'an tahun. Atau seorang adik perempuan dengan barah payudara dalam usia 30'an tahun. Kebanyakan barah boleh diubati jika ianya dikesan awal.

Anda mungkin juga berfikir tentang barah keturunan jika:

- Beberapa saudara terdekat anda menghidap barah yang ganjil.

Contohnya, barah sarcoma, adrenal atau medullary thyroid.

- Salah seorang dari saudara terdekat anda menghidap barah pada usia muda yang luar biasa.

Contohnya, seorang abang menghidapi barah kolon di usia 30'an tahun. Atau seorang adik perempuan dengan barah payudara dalam usia 30'an tahun. Kebanyakan barah boleh diubati jika ianya dikesan awal.

Kebanyakan barah boleh diubati jika ianya dikesan awal.